1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2013
2 jam 15 minit

www.sagadbl.com

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013**

**ANJURAN**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.

2. *Jawab soalan* **Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B**.

[Lihat halaman sebelah



1103/1 © Hak Cipta terpelihara MPSM(Cawaangan Kedah)
http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

## Bahagian A

[*Masa dicadangkan :* 45 *minit*]

[30 *markah*]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah penganjuran sukan bertaraf antarabangsa terhadap negara Malaysia**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan** .




**FAEDAH PENGANJURAN SUKAN BERTARAF ANTARABANGSA**

- Memperkenalkan Malaysia ke negara luar
- Menambahkan pendapatan negara
- Merapatkan hubungan antara negara peserta



**1103/1** © Hak Cipta terpelihara MPSM(Cawaangan Kedah)
http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Bahagian B**

[100 *markah*]

[*Masa yang dicadangkan : 1jam 30minit*]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Anda seorang pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia di peringkat kebangsaan. Pihak sekolah telah mengundang anda untuk menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Langkah-langkah Menjadi Pelajar Cemerlang'.

   Tulis ceramah anda selengkapnya.

2. Teknologi siber kini telah maju. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengawal kecenderungan anak-anak melayari internet.

   Berdasarkan penyataan di atas, huraikan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak memanfaatkan internet pada masa ini.

3. Siswazah pada hari ini kurang berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian. Oleh itu, pelbagai pihak perlu mengambil inisiatif untuk menarik minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut.

   Huraikan peranan pihak-pihak berkenaan.

4. Hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa adalah amat penting.

   Ulaskan pendapat anda tentang kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik.

5. Anda begitu teruja untuk menyertai pertandingan menulis cerpen anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan tajuk 'Kerana Nila Setitik Rosak Susu Sebelanga', tulis sebuah cerpen yang menarik.

 © Hak Cipta terpelihara MPSM(Cawaangan Kedah)



http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2013
2 1/2jam

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2013**

**ANJURAN**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **empat** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan bagi* **Soalan 2***(b),* **Soalan 2***(c),***Soalan 2***(d) dan* ***Soalan 4*** *berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

[Lihat halaman sebelah

 © Hak Cipta terpelihara MPSM(Cawaangan Kedah)


http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumus*an tentang **langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah pembalakan haram** dan **kepentingan mengekalkan kawasan hutan.** *Panjangnya rumusan* hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Satu demi satu pendedahan dibongkarkan oleh media massa mengenai pembalakan haram bagi memenuhi kehendak pembangunan tanpa mempedulikan keselesaan habitat haiwan atau tumbesaran tumbuhan di sesuatu kawasan yang terlibat. Berikutan itu, timbul beberapa persoalan, antaranya adakah berlaku kes pembalakan tanpa kebenaran di hutan simpanan? Selain itu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencegah pembalakan haram?

Risikan bersepadu yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa Jabatan Perhutanan dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) secara berkala telah berjaya membongkarkan beberapa kes pembalakan haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kes yang ditemui di Bukit Enggang, Bandar Sungai Long, Selangor misalnya ialah hasil daripada risikan yang dijalankan. Pada tahun 2010 sahaja, lima tangkapan dengan hukuman penjara selama 10 bulan dikenakan dan tiga tangkapan lagi dikenakan hukuman penjara 11 bulan terhadap mereka yang didapati bersalah.

Kerajaan telah memperuntukkan RM150,000.00 hingga RM200,000.00 setahun menerusi Projek Pembalakan Haram Sifar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor khususnya bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Pemantauan melalui udara menggunakan helikopter turut dijalankan sebagai langkah membanteras kegiatan ini. Seterusnya, diamalkan Sistem Pengurusan Memilih (SMS) iaitu satu sistem pengurusan di dalam kawasan hutan asli yang diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HKS) bagi menjamin pengeluaran hasil hutan khususnya kayu balak secara mapan iaitu mencapai tempoh matang antara 25 hingga 55 tahun.

Sistem ini membabitkan bancian bagi menentukan had tebangan pokok yang matang di dalam kawasan HKS yang dikenal pasti mengikut had keluasan tebangan tahunan yang ditetapkan Majlis Perhutanan Negara. Jabatan perhutanan juga menetapkan bahawa had tebangan ditentukan berasaskan dua jenis utama kayu balak iaitu damar (dipterokarpa) seperti spesies pokok cengal, meranti dan keruing serta bukan damar (bukan dipterokarpa) yang meliputi pokok merbau, kempas, dan nyatuh. Hal ini bertujuan bagi memastikan sekurang-kurangnya 25 peratus daripada hutan yang ditinggalkan selepas pembalakan terdiri daripada pokok jenis damar yang *menjadi identiti* hutan hujan negara ini. Bancian terhadap anak-anak pokok yang tinggal turut dilaksanakan selepas pembalakan bagi menentukan rawatan yang sesuai untuk pertumbuhannya.

Oleh sebab kegiatan pembalakan haram banyak mendatangkan kerugian kepada kehidupan kita dan ekosistem semula jadi, maka kita perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu generasi akan datang tidak dapat melihat dan menikmati keindahan flora dan fauna lantaran kesan-kesan pembalakan haram.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Sejauh Mana Kes Pembalakan Haram Diselesaikan Tanpa Persoalan'
oleh Wan Jailani Razak,
*Berita Harian*, Mei 2011)

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

## Soalan 2 : Pemahaman

**Soalan 2** (*a*) **– Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1,** *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *menjadi identiti.* [2 *markah*]

(ii) Nyatakan ciri-ciri Sistem Pengurusan Memilih. [3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan aktiviti pembalakan haram terhadap alam sekitar? [4 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2 (*b*) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Semua askar Punjabi mati. Kubu Kuala Pak Amat jatuh. Juga di Dasar dan Sabak. Jepun berada di mana-mana."

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan oleh Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya. Kwong yang menyerobot ke dalam perasaan Pak Husain sangat membimbangkan kami. Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. Dia mesti dijaga. Dia yang bertanggungjawab dalam usaha menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan apa yang akan berlaku ke atas kami sekaliannya yang di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukankah keberanian dan sikap Pak Husain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah!

Kisah Pak Husain dipaksa supaya menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari Kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang di Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemumin, di Pancur, di Pulau Tukang Dolah dan di Teluk Kitang. Cerita itu tidak dirasakan baktinya selain kami penghuni asli kampung Pak Amat.

Pak Husain telah menyelamatkan kami!

(Dipetik daripada cerpen
'Pahlawan Buntung' oleh S. Othman Kelantan
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah kesan yang dialami oleh Pak Husain setelah dia dipaksa menguburkan mayat-mayat tentera dan orang mati? [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membalas jasa pejuang kemerdekaan negara seperti Pak Husain? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** nilai berdasarkan petikan cerpen di atas dan **satu** nilai yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2 (*c*) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah penuh sarat geliung itu dengan wang dinar emas diisikan oleh lanun-lanun itu, mereka pun *bermohon kembali ke bahtera* masing-masing.

Melihatkan lanun itu telah pergi, jurumudi segera mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam lagi, kemudian dengan keris berdarah itu pergilah dia menghadap Tuanku Nakhoda Tua mengatakan dialah yang telah menyelamatkan geliung itu daripada dirampas oleh lanun.

Dengan tidak berfikir panjang lagi, Tuanku Nakhoda Tua percaya dengan kata-kata jurumudi yang palsu itu, lalu baginda menitahkan Mualim Cik Mas menikahkan puterinya dengan jurumudi itu.

Apabila jurumudi dan Mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, masuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, “Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin berminyak, tetapi tua ayahanda tua cendawan makin tua makin busuk!”

Tuanku Nakhoda Tua menjadi tersentak, “Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapakah kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?”

“Kerana mata ayahanda sudah kabur dan telinga ayahanda sudak pekak, sebab itulah anakanda berkata demikian. Cubalah ayahanda lihat siapakah di dalam petak jubung yang dilingkari tali sauh itu?”

(Dipetik daripada<br>‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’<br>dalam antologi *Harga Remaja*,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berikan maksud *bermohon kembali ke bahtera*. [2 *markah*]

(ii) Apakah tindakan jurumudi setelah lanun itu pergi? [3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tuanku Nakhoda Tua menikahkan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan jurumudi itu? [3 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2** (*d*) **– Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Kecek – (V)**

1
seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank ternama
tetapi dalam diam
dia mencantum kemiskinan
orang lain
ke dalam amanahnya
yang telah lama pecah.

2
di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedaifan
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam pagar sengsara
tetapi dia tidak pernah mencantum
kekayaan orang lain
ke dalam getirnya
yang sudah lama
berumbi.

3
di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang laut ternganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah pusaran nasib
tapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ke dalam kegusarannya
yang telah sekian musim
berlumut
di papan hidupnya.

4
Tuhan tidak pernah mungkir
mencatatkan setiap angka
dan nilai hitungan paling kecil
ke dalam akaun-Nya
di rumah keadilan.

AWANG ABDULLAH
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

(i) Apakah persamaan antara golongan petani dan golongan nelayan dalam sajak di atas? [2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, mangapakah penyajak membandingkan keadaan ketiga-ketiga golongan dalam sajaknya? [3 *markah*]

(iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak "Kecek – (V)". [4 *markah*]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

**[**30 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*

(*a*) *Tulis* **dua ayat bagi setiap perkataan** *di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda* **tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan** *atau* **menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa** *atau* **nama khas.**

(i) Menahan

(ii) Menuntut

(iii) Menarik

[6 *markah*]

(*b*) *Tulis semula petikan di bawah dalam* **bentuk karangan biasa** *dengan menggunakan* **cakap pindah.**

| | | |
|---|---|---|
| Aiman | : | Apakah rancangan awak pada masa cuti ini, Kok Seong? |
| Kok Seong | : | Saya tidak mempunyai apa-apa rancangan. |
| Aiman | : | Kalau begitu, saya cadangkan awak mengikut saya pulang ke kampung saya. |
| Kok Seong | : | Apakah yang menarik di kampung awak? |
| Aiman | : | Di kampung saya ada sungai, kita boleh memancing di sana. Sekarang juga musim buah-buahan. |

[6 *markah*]

(*c*) *Dalam petikan di bawah, terdapat* **tiga kesalahan ejaan** *dan* **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Pembangunan pesat di ibu kota menyebabkan kesesakkan jalan raya berlaku. Keadaan ini menjadi semakin terok kerana pembinaan jalan raya tidak dirancang dengan teliti. Selain itu, sikap pengguna yang tidak berdisplin dan kekurangan polis trafik menjadikan masaalah ini semakin rumit. Pengguna pula sering meletakan kenderaan sesuka hati sehingga menganggu kelancaran lalu lintas.

[6 *markah*]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

(*d*) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata** *atau* **istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa.** *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan Penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Kebanyakan pokok-pokok di tanah kepunyaan Pak Wan akan dipotong kerana beliau bercadang untuk membina kandang kambing yang besar.

(ii) Syarikat Mega Bintang mentafsirkan kerugian sebanyak dua ratus ribu ringgit sebagai akibat kebakaran di kilang cili sos yang berlaku pada minggu lepas.

(iii) Amalan saling ziarah-menziarahi merupakan antara cara untuk menepuk semangat kejiranan.

[6 *markah*]

(*e*) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemukakan* **tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi berbeza** *yang terdapat dalam petikan ini.*

Banyak orang berniaga berhampiran dengan stadium tempat perlawanan bola sepak peringkat daerah diadakan. Mereka menjual cenderamata serta pelbagai jenis makanan dan minuman. Harga makanan dan minuman yang dijual di situ amat mahal. Perlawanan bola sepak yang dilangsungkan benar-benar hebat kerana Kelab PCB telah bertemu dengan lawan yang sebenar. Kelab PCB hanya bertemu dengan pasukan yang tidak kuat sebelum ini.

[6 *markah*]

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut;*

i) Azfa Hanani karya Halis Azhan bin Mohd Hanafiah
ii) Kembara Amira karya Amer Hmzah bin L. Kadir

(*a*) Watak sampingan turut memainkan peranan penting bagi menghidupkan jalan cerita dalam sesebuah novel.
Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan **nilai kerjasama pada watak sampingan** dengan memberikan contoh peristiwa yang dapat menggambarkan nilai tersebut. [7 *markah*]

(*b*) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **latar masyarakat** yang dikemukakan oleh pengarang. [8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU SPM**
**KERTAS 1**

## 1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.

1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.

1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangandan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.

1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

## 2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.

2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

**[30 markah]**

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **26 – 30**<br><br>atas<br>(28 – 30)<br><br>(26 – 27)<br>bawah | • Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan **tepat.**<br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan **ungkapan yang menarik** (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)<br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan **matang.** |
| **Kepujian** | **20 – 25**<br><br>atas<br>(23 – 25)<br><br>(20 – 22)<br>bawah | • Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata **luas.**<br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.<br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan **jelas.** |

- ***Ungkapan Menarik :** peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Memuaskan** | **15 – 19**<br><br>atas<br>(17 – 19)<br><br>(15 – 16)<br>bawah | • Karangan **masih** menepati tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa **masih** gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca **masih** betul dan tepat. Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.<br><br>• Wacananya **masih** lengkap. Unsur bahasa **masih** bervariasi.<br><br>• Idea **masih** relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea **masih** jelas. |
| **Kurang Memuaskan** | **10 – 14**<br><br>atas<br>(12 – 14)<br><br>(10 – 11)<br>bawah | • Karangan **kurang** menepati tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa **kurang** gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat **kesalahan ejaan yang ketara**. Penggunaan kosa kata **terhad.**<br><br>• Wacana **kurang** lengkap. Unsur bahasa **kurang** bervariasi.<br><br>• Idea **kurang relevan** dengan tema bahan rangsangan<br>dan huraiannya **kurang jelas**. |
| **Pencapaian Minimun** | **01 – 09**<br><br>atas<br>(06 – 09)<br><br>(01 –05)<br>bawah | • Calon **tidak** menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br><br>• **Banyak** kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.<br><br>• Idea **tidak** menepati tema bahan rangsangan. |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

## Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

**[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Jika karangan:

   a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa

   b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan

3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.

4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah.** Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang**.**

5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

| | |
|---|---|
| **( )** | = Kesalahan isi |
| ______ | = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan |
| / | = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas) |
| // | = Kesalahan ejaan yang berulang |
|  | = Kesalahan tanda baca |



http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**KRITERIA**

| **KRITERIA** | **DESKRIPSI** |
|---|---|
| **1. BAHASA**<br>(Mekanis) | • Kegramatisan – kata (morfologi)<br>- ayat (sintaksis)<br>• Tanda baca<br>• Ejaan |
| **2. LARAS**<br>(Dinamis) | • Pemilihan kosa kata |
| **3. IDEA (ISI)** | • Tema<br>• Isi utama<br>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)<br>• Kerelevanan |
| **4. PENGOLAHAN** | • Wacana<br>• Logik<br>• Pemerenggganan<br>• Format |
| **5. GAYA BAHASA** | • Keindahan bahasa<br>• Ungkapan<br>• Peribahasa |



http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **CEMERLANG** | **80 – 100**<br>(90 – 100)<br>(80 – 89) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang luas dan tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis.<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan<br>• Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br>• **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>• **Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerenggananan sesuai.<br>• **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br>• Penggunaan **unsur bahasa bervariasi**<br>• **Gaya bahasa** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |
| **KEPUJIAN** | **66 – 79**<br>(73 – 79)<br>(66 – 72) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis tetapi terdapat **kesalahan yang minimum**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br>• **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan.<br>• Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br>• **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.<br>• **Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerenggananan sesuai.<br>• **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br>• Penggunaan **unsur bahasa masih** bervariasi.<br>**Gaya bahasa masih** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |

- ***Ungkapan Menarik :*** *peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **BAIK** | **51 - 65**<br>(58 – 65)<br>(51 – 57) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** sesuai.<br>• Penggunaan **ayat majmuk** gramatis tetapi terdapat **kesalahan yang minimum.**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca masih** betul.<br>• **Laras bahasa** sesuai mengikut tugasan.<br>• Penggunaan **kosa kata umum.**<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi **masih** jelas dan contoh **masih** sesuai.<br>• **Pengolahan masih** menarik, dan pemerenggganan **masih** sesuai.<br>• **Wacana masih** lengkap<br>• Penggunaan **unsur bahasa masih bervariasi.**<br>• **Gaya bahasa kurang** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang** berkesan. |
| **MEMUASKAN** | **36 – 50**<br>(43 – 50)<br>(36 – 42) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata terhad.**<br>• Ayat **kurang** gramatis**.**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul tetapi **terdapat kesalahan yang minimum.**<br>• **Laras bahasa kurang** sesuai.<br>• Penggunaan **kosa kata umum** dan **terhad**.<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi **kurang** jelas dan contoh **kurang** sesuai.<br>• **Pengolahan kurang** menarik, pemerenggganan **kurang** sesuai.<br>• **Wacana masih / kurang** lengkap<br>• Penggunaan **unsur bahasa kurang** bervariasi.<br>• **Gaya bahasa kurang** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang** berkesan. |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **KURANG MEMUASKAN** | 21 – 35<br>(28 – 35)<br>(21 – 27) | • Penggunaan **kata kurang tepat**.<br>• Ayat **tidak gramatis** tetapi **masih difahami**.<br>• Terdapat **kesalahan ejaan dan tanda baca** yang **ketara.**<br>• **Idea masih relevan / idea bercampur aduk** dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.<br>• **Unsur bahasa** tidak bervariasi.<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. |
| **PENCAPAIAN MINIMUM** | **01 – 20**<br>(11 – 20)<br>(01 – 10) | • Keseluruhan menunjukkan penggunaan **kata** dan **ayat** yang **tidak gramatis**.<br>• Kesalahan **ejaan** dan **tanda baca** yang **ketara.**<br>• **Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas**/ tidak berkembang dan **contoh tidak sesuai**.<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.<br>• Keseluruhan karangan **sukar / tidak difahami**. |

**Cara menulis**

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Keseluruhan** | - | **Peringkat markah** | **Contoh** | **K** | - | **75** |
| **- Ejaan** | - | **Mak 3 markah** | | **- E** | - | **03** |
| **- Format** | - | **Mak 2 markah** | | **- F** | - | **02** |
| **Jumlah** | - | **Markah bersih** | | **J** | - | **70** |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**CADANGAN SKEMA JAWAPAN**
**KERTAS 1/SET 1**
**BAHAGIAN B**

**Soalan 1.**

* Soalan berformat ceramah
Markah akan dipotong jika tiada;
Kata alu-aluan 1m
Kata Sapaan
(cth: tuan/puan di tengah-tengah) 1m
Penutup (Cth Terima kasih) 1m

*(maksimum **2** markah)*

Idea 1 - mengamalkan budaya membaca
-dapat meningkatkan pengetahuan

Idea 2 - pengurusan masa yang sistematik
- pembahagian masa yang seimbang antara masa belajar dan beriadah

Idea 3 - sentiasa berinteraksi dengan guru
-bertanyakan sesuatu yang tidak difahami

Idea 4 - belajar secara berkumpulan
-membantu mengatasi sebarang kelemahan
-berkongsi maklumat

Idea 5 - taat kepada ibu bapa, guru dan suruhan agama

(idea-idea lain yang bersesuaian boleh diterima)

**Soalan 2.**
Idea 1 - Ibu bapa sendiri hendaklah memiliki pengetahuan dan ilmu yang mencukupi tentang teknologi maklumat.
-untuk mengimbangi pengetahuan anak-anak yang begitu pantas sejajar dengan
perkembangan dunia ICT.
-dapat berkongsi pengetahuan dengan anak-anak dan menentukan aspek yang positif
sahaja dimuat turun.

Idea 2 - melaksanakan peraturan dan tatacara yang tegas tentang penggunaan internet kepada anak-anak.
-ibu bapa tidak boleh menyerahkan bulat-bulat kepada anak-anak untuk
mengakses apa-apa sahaja

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

-memastikan anak-anak patuh dan faham tentang maksud penggunaan komputer
untuk tujuan positif sahaja.

Idea 3 - ibu bapa sendiri hendaklah memaparkan tingkah laku yang baik terhadap anak-anak.
-tidak boleh secara terang-terangan atau berselindung melayari unsur-unsur pornografi dan jenayah.
-tidak membeli atau menyimpan apa-apa perisian yang tidak bermoral.

Idea 4 - membawa anak-anak ke tempat-tempat pameran komputer dan ekspo pendidikan ICT
-anak-anak memperoleh pendedahan yang lebih luas tentang teknologi komputer dan internet.
-dapat memilih perisian-perisian yang berguna untuk kegunaan anak-anak

Idea 5 - mengehadkan dan memperuntukkan masa yang sewajarnya
-ada peruntukan masa yang anjal antara masa belajar, beriadah, berinteraksi, dan mengakses internet.
-mengelak anak-anak terus menjadi mania(kemaruk) komputer

**Soalan 3.**

Idea 1 - peranan kerajaan
-menyalurkan bantuan dari segi khidmat nasihat dan kepakaran melalui badan-badan seperti MARDI dan FAMA

Idea 2 - institusi kewangan
-memberi pinjaman modal untuk memulakan perniagaan yang berasaskan pertanian

Idea 3 - institusi pengajian
- menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian
- memberikan pendedahan tentang teknik-teknik terbaru dalam pertanian yang boleh memberikan pulangan yang tinggi

Idea 4 - pihak media
- kempen melalui media massa
- rancangan-rancangan televisyen yang memberikan informasi berkaitan pertanian
Cth : Agro Jurnal, Inspirasi Koko dan Bumi Kita

Idea 5 - ibu bapa
- galakan dan dorongan daripada ibu bapa untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar/milik keluarga secara kormesial

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 4:**

Idea 1 - memperluas jalinan hubungan diplomatik dalam dasar luar negara
-menjalinkan persefahaman dan hubungan bilateral dan multilateral (hubungan dua hala dan pelbagai hala) dengan kerajaan di seluruh dunia.
-agar dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.
-mengelak perasaan curiga dan prejudis dalam kalangan masyarakat dunia.

Idea 2 - mewujudkan jalinan sosial, ilmu, dan budaya di peringkat global
- menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan global
- mengeksport dan mengimport sumber maklumat dan ilmu pengetahuan melalui jaringan kerjasama di bawah badan dunia seperti UNESCO
- mengenali cara hidup budaya dan adab resam pelbagai masyarakat dunia.
- menjalinkan persefahaman melalui misi sukan, kerja amal dan sumbangan kemanusiaan.

Idea 3 - mewujudkan rangkaian ekonomi dan perdagangan global
- memperluas pasaran diperingkat global
- memperkenalkan produk Malaysia di pasaran antarabangsa
- menjalinkan hubungan dagang dan memperluas pasaran global
- menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia

Idea 4 - mewujudkan jaringan serantau dan antarabangsa
- mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti antarabangsa
- persidangan tentang siasah, ekonomi, sosial, dan keamanan
- menjaga kebajikan negara-negara serumpun dan serantau(ASEAN), negara-negara merdeka (KOMANWEL), kebudayaan (OIC) , dan dunia (PBB)

Idea 5 - memenuhi tanggungjawab sosial untuk hidup sebagai warga dunia yang bersatu padu
- menghormati hak asasi manusia untuk hidup bebas, berdaulat, dan diiktiraf
- tidak bersikap mementingkan diri dan boleh berada dalam kelompok masyarakat dunia.
- memperluas sistem rangkaian maklumat global dan jalinan maklumat siber
- membangunkan minda dan peribadi bangsa Malaysia agar setanding dengan warga dunia.

**Soalan 5**

* jawapan mestilah menepati teknik penulisan cerpen yang bersesuaian dengan peribahasa yang diberi.

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi - **20** markah
(b) bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:
(i) Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
- perkataan berganda / berulang
- penggunaan kata sendi 'di' dan 'ke'
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| **Bahagian** | **Isi** | | | | | | | | | **Markah** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | **2** |
| (ii) Isi tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | **16** |
| (iii) Isi tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | |
| (iv) Penutup / Kesimpulan | | | | | | | | | | **2** |
| **Jumlah markah** | | | | | | | | | | **20** |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

| **Pendahuluan [**2 markah] | **Markah** |
|---|---|
| Petikan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ pendekatan/ kaedah yang diambil untuk mencegah pembalakan haram di Malaysia. | 2 |
| Petikan membincangkan usaha-usaha/ cara-cara/ pendekatan/ kaedah yang diambil untuk mencegah pembalakan haram. | 1 |

**Isi Tersurat** [4 hingga 12 markah]

L**angkah-langkah ;**

| | |
|---|---|
| 1. Menjalankan risikan bersepadu antara pegawai Jabatan Perhutanan dan SPRM | 2 |
| 2. Mengenakan hukuman penjara bagi mereka yang bersalah | 2 |
| 3. Menjalankan Projek Pembalakan Haram Sifar | 2 |
| 4. Pemantauan melalui udara | 2 |
| 5. Mengamalkan pengurusan hutan secara Sistem Pengurusan Memilih | 2 |
| 6. Jabatan Perhutanan menentukan had tebangan | 2 |
| 7. Melakukan bancian anak pokok yang tinggal selepas tebangan | 2 |
| 8. Menjalankan proses rawatan terhadap anak-anak pokok | 2 |

**Isi Tersirat** [4 hingga 12 markah]

**Kepentingan :**

| | |
|---|---|
| 1. Mengekalkan habitat kehidupan / flora dan fauna | 2 |
| 2. Mengekalkan ekosistem semula jadi | 2 |
| 3. Punca pencarian kehidupan orang asli | 2 |
| 4. Punca ekonomi negara | 2 |
| 5. Menarik kedatangan pelancong | 2 |
| 6. Meningkatkan imej negara | 2 |

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**Kesimpulan** (2 markah)

| | |
|---|---|
| 1. Semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani masalah pembalakan haram agar/supaya khazanah hutan untuk generasi akan datang terpelihara. | 2 |
| 2. Semua anggota masyarakat perlu bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan pembalakan haram. | 1 |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

| **Peringkatat** | **Markah Isi** | **Markah Bahasa** | **Huraian** |
|---|---|---|---|
| Baik | 18 – 20<br>15 - 17 | 9 – 10<br>7 – 9 | • Kesinambungan isi baik.<br>• Struktur ayat / tatabahasa baik<br>• Kosa kata luas<br>• Tanda bacaan / ejaan betul |
| Sederhana | 12 – 14<br>8 – 11 | 6 – 7<br>4 – 6 | • Kesinambungan isi masih baik<br>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan.<br>• Kosa kata masih memuaskan<br>• Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 - 7 | 1 – 4 | • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2: Pemahaman**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : **9** markah
Soalan 2 (b) : **9** markah
Soalan 2 (c) : **8** markah
Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri.**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna.**
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | 1 |
| - Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

2. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis<br>- Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis | 0 |

3. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| - Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan.ayat gramatis | 0 |

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2** (*a*) **– Petikan Umum**

(i) Maksud *menjadi identiti*
- Merupakan lambang / mercu tanda / penanda 2
- Menjadi lambang / marcu tanda / penanda 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Sistem Pengurusan Memilih ialah :
- satu sistem pengurusan hutan 1
- dijalankan / diamalkan di kawasan hutan asli 1
- untuk menjamin pengeluaran hasil hutan / kayu balak 1
- menentukan had tebangan mengikut had keluasan 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Kesan-kesannya :
- akan memusnahkan ekosistem alam 1
- mengancam habitat flora dan fauna 1
- menyebabkan suhu bumi / alam sekitar meningkat / kesan rumah hijau 1
- berlakunya pencemaran alam / banjir / tanah runtuh 1
- kawasan tadahan hujan musnah 1

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2** (*b*) **– Petikan Cerpen**

(i) Kesan yang dialami :
- semangat Pak Husain telah hilang 1
- menjadi takut-takut 1
- selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Usaha-usaha yang dilakukan :
- memberi elaun bulanan/ insentif/ ganjaran 1
- memberi anugerah/ gelaran 1
- rawatan di hospital secara percuma 1
- kemudahan asas seperti rumah percuma 1
- bantuan pendidikan kepada anak-anak pejuang kemerdekaan 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Satu nilai dalam petikan
- bertanggungjawab : Pak Husain bertanggungjawab menyelamatkan penduduk kampung dengan mengarahka ereka segera berpindah 1+1
- keberanian : Pak Husain telah menipu tentera Jepun untuk menyelamatkan penduduk kampung 1+1
- kasih sayang: Mak Bedah memandikan dan mencuci darah yang terdapat pada badan Pak Husain 1+1
- prihatin : Ayahku (penulis) tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain 1+1

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

Satu nilai dalam keseluruhan cerpen

- cinta akan Negara : Pak Husain sanggup menggunakan tongkat kayu untuk menghadiri temasya sambutan Hari Kemerdekaan Negara 1+1
- ketabahan : Khalid dan penduduk Kampung Pulau Pak Amat tabah menghadapi saat-saat kesulitan dan keperitan sewaktu zaman perang. 1+1
- pengorbanan : Pak Husain sanggup mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan penduduk kampug daripada menjadi mangsa serangan askar Jepun 1+1
- berhemah tinggi : Khalid bertemu Pak Husain setelah 34 tahun berpisah dan dalam pertemuan tersebut, Khalid melayan Pak Husain dengan baik 1+1

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2** (*c*) **– Petikan Prosa Tradisional**

(i) Maksud bermohon kembali ke bahtera

- meminta diri/kebenaran/keizinan pulang/balik ke kapal 2
- meminta diri/kebenaran/keizinan pulang/balik ke bahtera 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Tindakan jurumudi :

- Segera mencabut kerisnya 1
- Menikam seekor ayam lagi 1
- Pergi menghadap Tuanku Nakhoda Tua dengan keris berdarah 1
- Menyatakan/memberitahu bahawa dia yang menyelamatkan geliung daripada lanun 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Wajar – alasannya :

- Tuan Puteri ialah puterinya/ anaknya 1
- Tuanku Nakhoda Tua merupakan walinya 1
- Menunaikan janjinya kepada jurumudi 1
- Jurumudi orang kepercayaan Tuanku Nakhoda Tua 1
- Seorang yang berani dan bertanggungjawab 1
- Pandai mengambil hati Tuanku Nakhoda Tua 1

Tidak wajar – alasannya :

- Jurumudi telah menipu/berbohong/tidak jujur 1
- Tuanku Nakhoda Tua tiada usul periksa/tidak menyiasat 1
- Tidak bertanyakan pendapat/mengambil pandangan Tua Puteri Dayang Seri Jawa 1
- Tuanku Nakhoda Tua tidak berbincang dahulu dengan pembesar negeri 1

**[Maksimum : 3 markah]**

]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 2** (*d*) **– Sajak**

(i) Persamaan antara golongan petani dan golongan nelayan dalam sajak:

- kedua-duanya mempunyai anak yang ramai 1
- kedua-duanya miskin 1
- kedua-duanya tidak menyusahkan orang lain 1
- kedua-duanya tidak menyusahkan mengambil hak orang lain 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Pada pendapat saya, penyajak membandingkan keadaan ketiga-tiga golongan dalam sajaknya kerana dia mahu:

- mendedahkan keunikan keadaan hidup ketiga-tiga golongan 1
- menimbulkan kesedaran atas nasib golongan petani dan nelayan 1
- menimbulkan rasa syukur atas kurniaan Tuhan 1
- supaya kita tidak bersikap tamak 1

(Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) **[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Tiga pengajaran dalam sajak ialah :

- Kita hendaklah amanah semasa menjalankan tugas
- Kita hendaklah menjadi seorang bapa yang bertanggungjawab mencari rezeki yang halal
- Kita perlu mengelakkan diri daripada mencari kekayaan dengan menindas orang lain
- Kita hendaklah taat kepada perintah Tuhan
- Kita hendaklah berusaha untuk meningkatkan taraf hidup

( Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai) **[Maksimum : 4 markah]**

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah
Soalan 3(b) : **6** markah
Soalan 3(c) : **6** markah
Soalan 3(d) : **6** markah
Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak 1/2 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Jika tidak jelas, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah

**Jawapan 3(a)**

(i) Menahan - tidak membiarkan lepas, menyekat, tidak membenarkan, menghentikan.
melawan, menangkis serangan
melambaikan tangan untuk menyuruh kenderaan berhenti
menguatkan diri supaya sanggup menderita

(ii) Menuntut - mendesak
mencari ilmu

(iii) Menarik - maju ke hadapan, keluar, tercabut, menyentak, menyeret
- memikat hati

[**Maksimum : 6 markah**]

**Jawapan 3(b)**

(i) Aiman bertanya tentang rancangan Kok Seong pada musim cuti nanti.
(ii) Kok Seong menyatakan bahawa dia tidak mempunyai apa-apa/sebarang rancangan.
(iii) Oleh itu, Aiman mencadangkan Kok Seong mengikutnya pulang ke kampungnya.
(iv) Kok Seong juga bertanyakan keistimewaan/perkara yang menarik di kampung Aiman.
(v) Menurut Aiman, di kampungnya terdapat sungai dan mereka boleh memancing.
(vi) Di samping itu, pada masa itu di kampungnya terdapat musim buah-buahan.

[**Maksimum : 6 markah**]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Jawapan 3(c)**

kesesakkan - kesesakan
terok - teruk
berdisplin - berdisiplin
masaalah - masalah
meletakan - meletakkan
menganggu - mengganggu

[**Maksimum : 6 markah**]

**Jawapan 3(d)**

Kebanyakan pokok-pokok - kebanyakan pokok/pokok-pokok
dipotong - ditebang
mentafsirkan - mentaksirkan
cili sos - sos cili
saling ziarah-menziarahi - saling menziarahi/ziarah-menziarahi
menepuk - memupuk

[**Maksimum : 6 markah**]

**Jawapan 3(e) Peribahasa**

(i) di mana ada gula, di situ ada semut
(ii) menangguk di air yang keruh/menahan lukah dipergentingan/cekik darah.
(iii) bertemu buku dengan ruas

[**Maksimum : 6 markah**]

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

(a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
iii) Beri 2 markah untuk 1 isi – nilai kerjasama (watak sampingan)
iv) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.
v) Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.
vi) Markah bahasa diberi seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baik | : | 3 markah |
| Sederhana | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |

vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[**Maksimum: 7 markah**]

(b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
iii) Jawapan mesti meliputi sekurang-kurangnya satu latar masyarakat bagi setiap novel.
iv) Aspek Pemarkahan: Berikan 1 markah untuk 1 latar masyarakat bagi setiap novel.

- Berikan 2 markah untuk contoh / huraian yang lengkap / jelas
- Berikan 1 markah untuk contoh / huraian yang tidak lengkap / jelas
- Maksimum markah setiap isi = 3 markah

v) Huraian tanpa menyatakan latar masyarakat dalam novel, 0 markah
vi) Markah isi maksimum, 6 markah
vii) Markah bahasa maksimum, 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi
viii) Markah bahasa diberi seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baik | : | 2 markah |
| Lemah | : | 1 markah |

ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
x) Calon tidak menjawab, 0 markah

**[Maksimum: 8 markah]**

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

**4. a) Nilai kerjasama (pada watak sampingan)**

**Novel Azfa Hanani**

- Para pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Taman Sari memberikan kerjasama kepada Pengerusi Persatuan Pelajar Tingkatan 5, iaitu Ekran bagi menjayakan Program Hari Sumbangsih untuk mengutip derma sebanyak RM16,000.00 sebagai dana sekolah.

- Tengku Ellina, Fuad, Adlan, dan Fazlina memberikan kerjasama yang padu dalam pasukan forum remaja Sekolah Menengah Taman Sari. Hasilnya, pasukan sekolah mereka berjaya menjuarai pertandingan forum remaja tersebut dan Azfa Hanani terpilih sebagai pengerusi forum terbaik.

- Abang Mazran dan Kak Finaz berkerjasama bagi membimbing Azfa Hanani membentuk personaliti seperti Tengku Murni agar dapat menggembirakan hati Datin Maziah yang tidak dapat menerima hakikat kematian anak perempuan tunggalnya itu.

**Novel Kembara Amira**

- Itai dan Tau bekerjasama untuk menyelamatkan Amira daripada mati lemas setelah terjatuh dalam arus sungai yang deras. Mereka akhirnya berjaya menyelamatkan Amira.

- Tau dan Itai bekerjasama mencari Jacinta yang tersesat di dalam hutan setelah dia berusaha menjejak Amira yang terjatuh ke dalam arus sungai yang deras.

- Pak Lias, Jacinta, Itai, Roslan saling bekerjasama mencari Malique yang hilang di Gunung Gua Gajah.

- Penghuni Desa Karpus yang diketuai Prof. Zaidah bekerjasama menjalankan aktiviti ekskavasi untuk mengesan sejarah ketamadunan manusia zaman Neolitik. Mereka bergilir-gilir berjaga malam bagi memastikan tapak kajian mereka selamat.

**4. b) Latar masyarakat (dalam 2 buah novel)**

**Novel Azfa Hanani**

- **Masyarakat pelajar sekolah menengah**. Azfa Hanani merupakan pelajar di Sekolah Menengah Sri Dian. Tengku Murni pula pelajar di Sekolah Menengah Taman Sari. Azfa Hanani berpindah ke Sekolah Menengah Taman Sari dan antara rakan-rakannya ialah Tengku Ellina dan Ekran.

- **Masyarakat yang sanggup berkorban untuk kepentingan orang lain**. Azfa Hanani reda diberhentikan daripada persekolahannya kerana masalah kewangan. Dia menerima pelawaan untuk menyamar sebagai Tengku Murni untuk membantu mencari wang bagi membiayai rawatan sepupunya Zuraini yang lumpuh. Azfa Hanani juga menerima

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

permintaan daripada Tengku Mazran untuk menyamar sebagai Tengku Murni untuk membantu memulihkan tekanan perasaan Datin Maziah. Selain itu Ekran juga berkorban dengan memutuskan hubungan dengan Tengku Murni apabila Tengku Muzaffar tidak membenarkan hubungan tersebut kerana beranggapan dia seorang yang miskin.

- **Masyarakat yang sombong dan bongkak dengan kekayaan.** Datuk Tengku Makmur beranggapan bahawa Azfa Hanani menyamar sebagai Tengku Murni untuk mendapatkan upah. Dia melemparkan wang upah sebanyak RM 500 kepada Azfa Hanani. Tengku Muzaffar pula mengeluarkan kata-kata yang menghina Azfa Hanani semasa Azfa Hanani mula-mula tiba ke rumahnya. Dia menganggap Azfa Hanani ingin hidup mewah

**SULIT** **1103/2**

dengan menyamar sebagai Tengku Murni. Dia juga menghalang perhubungan Eekran dengan Tengku Murni kerana menganggap Ekran miskin dan tidak setaraf dengan keluarga mereka.

- **Masyarakat yang penyayang.** Azfa Hanani sayang kepada pak long sekeluarga. Semasa di rumah Datin Maziah, dia telah menulis surat kepada mereka untuk bertanya khabar. Datin Maziah pula sayang kepada anaknya Tengku Murni. Oleh sebab perasaan sayang yang mendalam, anak-anaknya tidak sanggup untuk memberitahunya bahawa Tengku Murni telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya..

- **Masyarakat yang gigih berusaha untuk menuntut ilmu**. Azfa Hanani gigih belajar walaupun dia sedar bahawa dia mempunyai masalah kewangan. Oleh sebab keinginannya untuk menimba ilmu dia sanggup mencuri pinjam buku-buku rujukan di perpustakaan semasa di Sekolah Menengah Sri Dian. Demikian juga dengan Ekran. Dia berusaha gigih untuk belajar demi mencapai cita-citanya. Dia belajar perakaunan di sekolah dan kemudiannya mempraktikkan ilmu yang dipelajari itu dengan berniaga burger. Dia akan mengulang kaji pelajaran pada waktu malam.

- **Masyarakat yang sentiasa merendah diri** . Azfa Hanani selalu ingat bahawa dia adalah daripada keluarga yang miskin. Walaupun dia berada di rumah Datin Maziah dan menyamar sebagai Tengku Murni, dia tetap meletakkan dirinya sebagai seorang yang miskin.. Selain itu,
ramai kawan sekelasnya memuji suaranya yang lunak dan telah diumumkan sebagai pengerusi terbaik dalam pertandingan forum remaja. Namun dia tidak berasa megah dengan pujian tersebut. Ekran pula tidak menjelaskan kepada Tengku Muzaffar bahawa dia anak kepada pensyarah semasa dia dihalang daripada menjalinkan hubungan dengan Tengku Murni. Sebaliknya dia memutuskan hubungan tersebut.

- **Masyarakat yang tabah dalam menghadapi dugaan hidup**. Contohnya Ekran menerima takdir bahawa dia dan Tengku Murni akan berpisah setelah Tengku Muzaffar menghalang perhubungan mereka. Dia juga tabah dengan perpisahan selama-lamanya apabila Tengku Murni meninggal akibat daripada kemalangan jalan raya. Dia tidak menunjukkan perubahan sikap walaupun dia kawan istimewa kepada Tengku Murni. Pelajar lain tidak menyedari hubungan itu. Azfa Hanani juga tabah menerima dugaan hidup apabila dia terpaksa tinggal dengan keluarga pak long yang miskin setelah ibu bapanya meninggal dunia. Dia sanggup bersusah payah berulang-alik ke sekolah dengan menaiki bas sejauh 30 kilometer.

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

- **Masyarakat yang hidup dalam kemiskinan.** Pak long sekeluarga merupakan masyarakat Melayu yang hidup di kampung dalam keadaan miskin**.** Pak long hanya bekerja sebagai penoreh getah dan tidak mampu menanggung perbelanjaan keluarga termasuk perbelanjaan persekolahan Azfa Hanani. Mereka tinggal di rumah yang dibina daripada bulu.

- **Masyarakat yang berpegang pada janji**. Tengku Mazran berusaha sedaya upaya untuk menunaikan janjinya bagi membantu membiayai rawatan Zuraini yang lumpuh di Indonesia.

**Novel Kembara Amira**

- **Masyarakat pelbagai bangsa.** Amira, Prof. Zaidah, Pak Lias, Rusdi dan Ruslan mewakili masyarakat Melayu. Itai, Ludin, Tau dan Sabi mewakili masyarakat orang asli suku semai. Ipah, John O'Hara, Johnny, Ridley dan Brenda ialah orang Inggeris manakala Jacinta, Baba Teck dan Nyonya Sim mewakili masyarakat Cina.

- **Masyarakat yang penyayang.** Contohnya Amira menunjukkan kasih sayang kepada ibunya, Prof. Zaidah dengan meluangkan masa menjaga ibunya setelah terlibat dalam kemalangan kereta yang dipandu oleh Pak Lias.

- **Masyarakat pelajar yang menghabis masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah**. Contohnya Amira dan Jacinta menghabiskan masa cuti persekolahan mereka dengan menyertai kerja-kerja mencari gali bahan-bahan arkeologi (ekskavasi) di Bukit Mat Raya bersama Prof Zaidah dan pelajar-pelajar tahun akhir.

- **Masyarakat yang terlibat dalam kerja-kerja mencari gali bahan bersejarah**. Contohnya, Prof. Zaidah, Dr. Zawawi, dan pelajar tahun akhir menjalankan aktiviti ekskavasi di kawasan Bukit Mat Raya.

- **Masyarakat orang asli yang berpegang teguh pada kepercayaan nenek moyang mereka**. Contohnya, Tau menganggap kerja-kerja cari gali yang dilakukan di kawasan hutan akan mengganggu roh-roh di situ.

- **Masyarakat yang mementingkan diri dan mengutamakan kekayaan**. Contohnya, John O'Hara ingin membuktikan bahawa kawasan tersebut mempunyai banyak emas. Dia akan memperoleh keuntungan apabila menarik para pelabur untuk melabur dalam aktiviti perlombongan emas di kawasan Bukit Mat Raya.

- **Masyarakat yang saling bekerjasama untuk menyelesaikan masalah**. Contohnya, Itai, Tau dan Ludin, banyak membantu Prof Zaidah, dan rakan-rakannya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mereka juga bekerjasama untuk mencari Jacinta dan Malique yang hilang.

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly

- **Masyarakat yang tertekan oleh sikap negatif orang lain**. Contohnya, Ipah sanggup lari bersama-sama anaknya, Sabi dengan mengikut lelaki kulit putih kerana tertekan dengan pandangan negatif suku Orang Asli Semai terhadapnya yang berambut perang dan bermata biru.

- **Masyarakat yang komited terhadap tugasan atau tanggungjawab.** Contohnya Prof. Zaidah yang terlampau komited terhadap tugasannya untuk mencari gali bahan arkeologi sehingga pada suatu ketika beliau sedar bahawa beliau telah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ibu kepada Amira. Beliau akhirnya sedar akan kesilapannya setelah ditegur oleh pemandunya Pak Lias

- **Masyarakat yang bertanggungjawab.** Buktinya Ludin menjalankan tanggungjawabnya sebagai Tok Batin di perkampungan orang Asli Suku Semai. Dia tidak bersikap pilih kasih dan sanggup menghukum Itai yang melakukan kesalahan kerana membawa orang luar (Amira) ke sungai yang menjadi lokasi rahsia orang asli untuk mencari emas.

- **Masyarakat yang sayangkan alam sekitar**. Tau sanggup menyamar sebagai makhluk berbulu semata-mata untuk menakut-nakutkan orang luar yang menceroboh masuk ke kawasan persekitaran mereka. Dia juga sanggup bertindak membunuh orang-orang asing tersebut.

http://edu.joshuatly.com/
http://fb.me/edu.joshuatly